

12/05/1997

MT perjelas banyak isu semasa

MAJLIS Tertinggi (MT) Umno semalam membincangkan banyak perkara penting yang membabitkan soal parti, rakyat dan negara. Antara perkara yang dimaklumkan kepada media ialah mengenai hasil penyiasatan akaun Pergerakan Wanita Umno yang sudah selesai, permohonan cuti Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, dakwaan penipuan pemilihan Pergerakan Pemuda Umno yang didapati tidak ada kes dan urusan pentadbiran parti yang diserahkan kepada Timbalan Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercuti dua bulan mulai 19 Mei ini. Selain memangku jawatan Presiden Umno, Anwar juga kita rasakan secara automatik memangku jawatan Pengerusi Barisan Nasional (BN). Perkara lain turut dibangkitkan ialah mengenai laporan media dan kaitannya dengan parti pembangkang, gejala rasuah yang Umno memberi pengakuan tidak akan membela mana-mana pihak yang didapati terbabit dalam perbuatan itu dan amalan kebersihan yang didapati tidak begitu diambil berat oleh rakyat.

Pada kita, mesyuarat MT menjawab banyak persoalan yang timbul kebelakangan ini. Bagi kedudukan akaun Pergerakan Wanita Umno, umpamanya, walaupun tidak dijelaskan siapakah yang sebenarnya terbabit, kita berpendapat dengan tidak mengambil tindakan di peringkat MT, ia menunjukkan kehilangan wang dalam akaun pergerakan itu hanyalah membabitkan masalah teknikal. Alasan wang itu dikeluarkan untuk sesuatu tujuan, mungkin boleh diterima oleh MT. Namun, MT menyerahkan kepada Jawatankuasa Disiplin untuk menentukan kes itu. Bagi MT, setakat ini soal siapa mengeluarkan wang itu mungkin tidak penting, asalkan ia tidak diselewengkan. Sebahagian wang yang dikatakan hilang itu yang berjumlah RM1.8 juta, sudah dikembalikan. Jika Jawatankuasa Disiplin mendapati ada keraguan baru, mungkin kes itu boleh dibuka semula. Ini sejajar dengan jaminan MT tidak ada seorang pun akan dipertahankan, jika terbabit dalam kes rasuah.

Begitu juga dakwaan bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Tan Sri Rahim Tamby Chik berhubung isu penipuan pengiraan undi dalam pemilihan jawatan ketua pergerakan itu tahun lalu. Walaupun kita berpendapat Rahim mempunyai hak untuk menyuarakan keraguannya, namun beliau juga perlu akur dengan pengakuan jawatankuasa pemilihan Umno. Kita berharap isu ini juga ditutup kerana ia boleh menjejaskan kewibawaan Umno sebagai parti yang bertunjang kepada prinsip demokrasi. Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, yang menang dalam pemilihan itu tidak seharusnya melayan lagi sebarang pandangan berhubung perkara itu. Namun dalam hal ini kita memuji sikap Umno kerana walaupun aduan yang dikemukakan sudah melepasi tempoh 10 hari yang ditetapkan untuk seseorang mengemukakan bantahan, penyiasatan mengenainya tetap dijalankan. Demi mengelakkan dakwaan ini berterusan dan menjadi berita angin yang lebih besar, penjelasan yang diberikan oleh MT, diharapkan memuaskan hati semua pihak. Ahli Umno seharusnya belajar daripada pengalaman bahawa sebarang isu yang boleh dipanjangkan kepada soal undang-undang akan memberi kesan amat buruk kepada parti. Apabila kes seperti ini dirujuk ke mahkamah, Umno tertakluk kepada keputusan undang-undang. Kita tentu tidak dapat lupa betapa Umno pernah diharamkan atas perintah mahkamah. Apabila keputusan dibuat, tidak ada kuasa yang boleh mengubah keputusan mahkamah. Kemungkinan atas alasan ini, Dr Mahathir melahirkan kekecewaannya terhadap sikap media memberi publisiti meluas yang lebih menyebelahi Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng, dalam kes menerbitkan risalah palsu dan menghasut orang ramai. Menurut Presiden Umno

itu, tindakan media tempatan itu menggambarkan seolah-olah kerajaan kurang adil dan tidak demokratik berhubung keputusan mahkamah ke atas Guan Eng yang didapati bersalah terhadap dua tuduhan menerbitkan risalah mengandungi fakta palsu dan menghasut. Kita percaya, kekecewaan Dr Mahathir itu timbul kerana meskipun kerajaan tidak langsung campur tangan dalam kes itu, gambaran yang ditonjolkan seolah-olah ia adalah keputusan politik. Kita menerima teguran Dr Mahathir itu dengan hati terbuka. Semua ini menunjukkan bahawa parti pemerintah bukan saja tidak campur tangan dalam soal yang membabitkan keputusan mahkamah, malah ia juga memberi kebebasan kepada media untuk membuat laporan. Tegurannya itu pun dibuat setelah laporan mengenai kes itu disiarkan secara meluas sedangkan jika benar-benar mahu mengawal media, arahan tentulah dibuat lebih awal. Teguran Dr Mahathir terhadap media ini menolak tanggapan pembangkang selama ini bahawa media membuat laporan berat sebelah.

(END)